

Hukum Pemakaian Kaedah “Lock Price” dalam Urusniaga Emas Fizikal

The Law of Applying the Lock Price Method in Physical Gold Transactions

MUHAMAD ZUHAILI SAIMAN
AHMAD DAHLAN SALLEH

ABSTRACT

The “lock price” method is a popular method especially in physical gold transactions. The value of gold in the market is constantly changing, given that this method gives customers the advantage of locking the price at a low level at a time before receiving physical gold. However, this method is related to the deferred issue of the physical gold transaction due to the transaction period that occurs after “lock price.” This method can be linked to the concept of *wa‘d*, *muwā‘adah* and *wa‘dān* in the context of bookings and hedging transactions. The focus of this study has three objectives. First, examine the application of the “lock price” method in the current transaction involving physical gold in the market. Secondly, studying *wa‘d*, *muwā‘adah* and *wa‘dān* according to *fiqh al-mu‘amalat*. Third, evaluating and improving “lock price” methods in hedging transactions for physical gold transactions and preventing delay. The methodology used is a qualitative study using literature study approach and analysis of data findings. According to the *fiqh*, there is a difference between *wa‘d*, *muwā‘adah* and *wa‘dān* which involves the necessity of the process of promulgation. The findings of the study show that the concept of gold hedging of the value of gold can be applied in the enhancement of the “lock price” method with certain conditions in order to avoid delay. When it qualifies then a legitimate transaction is otherwise unconditional, then the transaction is exposed to *gharar* and specific ethical violations involving transaction of usury (*ribawi*) item. In conclusion, there is a need today in discussing the hedging issue including the use of the lock price method in physical gold transactions in view of the widespread market contexts such as imports and exports between two far-off countries.

Keyword: Lock price; physical gold; usury item; deferred transaction; *wa‘d*

ABSTRAK

Kaedah “lock price” atau kunci harga merupakan kaedah yang popular khususnya dalam urusniaga emas fizikal. Nilai emas di pasaran sentiasa berubah-ubah, ekoran itu kaedah ini memberikan kelebihan kepada pelanggan untuk mengunci harga di paras rendah pada sesuatu waktu sebelum menerima emas fizikal. Bagaimanapun kaedah ini dilihat berkait dengan soal bertangguh ke atas urusniaga emas fizikal tersebut disebabkan tempoh urusniaga yang berlaku selepas “lock price”. Kaedah ini boleh dikaitkan dengan konsep *wa‘d*, *muwā‘adah* dan *wa‘dān* dalam konteks tempahan serta lindung nilai urusniaga yang dijalankan. Tumpuan kajian ini mempunyai tiga objektif. Pertama, mengkaji pemakaian kaedah “lock price” dalam urusniaga semasa yang melibatkan emas fizikal di pasaran. Kedua, mengkaji *wa‘d*, *muwā‘adah* dan *wa‘dān* menurut *fiqh al-mu‘amalat*. Ketiga, menilai dan menambahbaik kaedah “lock price” dalam urusan lindung nilai bagi urusniaga emas fizikal dan mengelakkan bertangguh. Metodologi yang digunakan ialah kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan kajian kepustakaan dan analisis data-data dapatan. Menurut *fiqh*, wujudnya perbezaan antara *wa‘d*, *muwā‘adah* dan *wa‘dān* yang melibatkan kemestian dalam proses janji yang berlaku. Dapatkan hasil kajian menunjukkan konsep lindung nilai pasaran hadapan nilai emas mampu diaplikasikan dalam penambahbaik kaedah “lock price” dengan syarat-syarat tertentu agar tidak berlaku soal bertangguh. Apabila ia memenuhi syarat maka sah urusniaga sebaliknya jika tidak dipenuhi syarat maka urusniaga tersebut terdedah kepada *gharar* dan pelanggaran etika khusus yang melibatkan urusniaga item *ribawi*. Kesimpulannya, wujudnya keperluan di masa kini dalam membincangkan soal lindung nilai ini antaranya penggunaan kaedah “lock price” dalam urusniaga emas fizikal memandangkan konteks pasaran yang sangat meluas seperti import dan eksport antara dua negara yang berjauhan.

Kata kunci: Lock price; emas fizikal; item *ribawi*; urusniaga bertangguh; *wa‘d*

PENGENALAN

Urusniaga yang melibatkan item *ribawi* mempunyai garis panduan yang dikhususkan sebagaimana yang terdapat dalam hadith-hadith Nabi Muhammad SAW. Ia berbeza dengan item yang bukan *ribawi*. Bahkan ia tidak boleh dilebihkan antara satu sama lain apabila

item *ribawi* tersebut mempunyai *‘illah ribawiyah* yang sama dan jenis barang yang sama seperti pertukaran 100 gram emas dengan 100 gram emas. Dalam transaksi emas fizikal hari ini yang semakin popular akan simpanan pelaburan dengan pembelian emas fizikal dan disimpan bagi pelaburan masa hadapan terdapat satu kaedah yang dipanggil *lock*

price atau kunci harga bagi sesuatu pembelian pada tahap harga yang disepakati walaupun proses jualbeli berlaku susulan itu. Pada zahirnya ia kelihatan bertangguh namun dalam masa yang sama ia dilihat helah bagi tujuan urusniaga tersebut kerana “perjanjian” dalam *lock price* tersebut dikatakan bukanlah membentuk kontrak lagi. Walaupun begitu bagaimanakah status “perjanjian” tersebut sekiranya ia disyaratkan denda yang dilihat sebagai suatu jaminan kemestian berlakunya jual beli tersebut? Di sinilah memerlukan kepada pengkajian bagi menambah baik urusniaga emas fizikal ini.

Memandangkan kaedah ini diguna secara meluas, dalam masa yang sama ada beberapa kondisi yang menyebabkan perlunya kepada kaedah ini, maka kajian ini adalah untuk membina pelan menambah baik kaedah yang sedia ada agar helah urusniaga emas fizikal ini tidak bercanggah dengan karakter (*takyif*) fiqh dalam urusniaga yang melibatkan item *ribawi*.

KARAKTER (*TAKYIF*) FIQH DALAM URUSNIAGA ITEM *RIBAWI* MESTILAH TIDAK BERTANGGUH

Para ulama bersepakat bahawa emas itu merupakan barang *ribawi* kerana ia terdapat secara zahir di dalam hadith Nabi Muhammad SAW (Ibn Rush 2003, 2: 147). Hanya yang ulama berselisih pandangan pada item *ribawi* selain yang disebutkan secara zahir di dalam hadith. Majoriti ulama selain mazhab al-Zāhiriyyah menyatakan item *ribawi* turut berlaku ke atas selain emas dan perak dengan *‘illah* yang diqiyaskan ke atas kedua-duanya iaitu *thamaniyyah* menurut pendapat yang *rājiḥ* (Ibn Qudamah 1997, 6: 254).

Urusniaga yang melibatkan item *ribawi* mempunyai ciri yang khusus merujuk kepada hadith-hadith Nabi Muhammad SAW. Bagi urusniaga yang melibatkan pertukaran jenis yang sama seperti emas dengan emas maka mestilah *tamāthul* (sama sukatan dan timbangan), *taqābuḍ fi al-majlis* (serahan dalam satu majlis) dan *hulūl* (tidak bertangguh). Manakala bagi pertukaran yang berlainan jenis seperti emas dan perak dibolehkan berlakunya pertambahan dari sudut sukatan atau timbangan di samping menjaga dua syarat yang lain. Karakter fiqh bagi urusniaga item *ribawi* ini merujuk kepada hadith yang diriwayatkan oleh ‘Ubādah bin al-Şāmit (Sahīh Muslim, Kitāb Musāqāh, Bāb al-Ribā: 2972):

الدَّهْبُ بِالْدَهْبِ وَالْفَضْنَةُ بِالْفَضْنَةِ وَالْلُّبْرُ بِالْلُّبْرِ وَالشَّعِيرُ بِالشَّعِيرِ
وَالتَّمْرُ بِالتَّمْرِ وَالْمُلْحُ بِالْمُلْحِ مِثْلًا بِمِثْلٍ سَوَاءً بِسَوَاءٍ يَدًا بِيَدٍ. فَإِذَا
اخْتَافَتْ هَذِهِ الْأَصْنَافُ فَبَيْعُوا كَيْفَ شِئْتُمْ إِذَا كَانَ يَدًا بِيَدٍ

Maksudnya: “Emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, tamar dengan tamar, dan garam dengan garam, dalam keadaan sama banyak dan tunai (terima di dalam satu majlis). Maka apabila berbeza jenisnya maka berjual belilah mengikut kehendak kamu dalam keadaan tunai.”

Berdasarkan hadith di atas, jelas bahawa urusniaga emas yang merupakan item *ribawi* tidak boleh berlaku penangguhan dan mestilah berlakunya penyerahan kedua-dua pihak di dalam satu majlis. Bahkan jika wujud syarat *khiyār* dalam urusniaga tersebut maka majoriti mazhab kecuali Mazhab Hanbali berpandangan bahawa kontrak urusniaga tersebut terbatal (al-Kasani 2010, 5: 219). Mazhab Hanbali berpandangan sekiranya terdapat syarat *khiyār* maka kontrak masih sah namun syarat *khiyār* tersebut sahaja yang terbatal (Ibn Qudamah 1997, 4: 60). Hal ini kerana *khiyār* tersebut menjadikan kontrak urusniaga masih belum *lāzim* seolah-oleh wujud ruang tempoh berdasarkan syarat akan penangguhan di dalam kontrak urusniaga.

Justeru larangan berlaku penangguhan dalam urusniaga item *ribawi* menerusi hadith Nabi Muhammad SAW (Sahīh Muslim, Kitāb Musāqāh, Bāb al-Ribā: 2972):

لَا تَبِيعُوا الْذَّهَبَ بِالْذَّهَبِ إِلَّا مِثْلًا بِمِثْلٍ وَلَا تَشْفُوْا بَعْضَهَا عَلَى
بَعْضٍ. وَلَا تَبِيعُوا الْوَرْقَ بِالْوَرْقِ إِلَّا مِثْلًا بِمِثْلٍ وَلَا تَشْفُوْا بَعْضَهَا
عَلَى بَعْضٍ. وَلَا تَبِيعُوا مِنْهَا غَائِبًا بِنَاجِزٍ

Maksudnya: “Jangan kamu menjual emas dengan emas melainkan sama banyak, dan jangan kamu lebukkan sebahagian ke atas sebahagian. Dan jangan kamu menjual perak dengan perak melainkan sama banyak dan jangan kamu lebukkan sebahagian ke atas sebahagian yang lain. Dan jangan kamu menjual daripadanya (barang yang mempunyai unsur riba) sebahagian dalam keadaan *ghaib* dengan tunai (tidak menerima kedua-dua barang di dalam satu majlis).”

KAEDAH “LOCK PRICE” DALAM URUSNIAGA FIZIKAL EMAS

Kaedah *lock price* merupakan kaedah yang popular dalam urusniaga emas. Kaedah ini memberikan peluang kepada pelanggan untuk kunci harga yang diingin memandangkan harga emas semasa sentiasa berubah-ubah dalam 20 minit. Kaedah ini memberikan kelebihan untuk pelanggan mengunci harga di tahap yang rendah sebelum melakukan penyerahan bayaran dan penerimaan emas fizikal di agensi yang berdekatan. Kaedah ini juga menyatakan bahawa pelanggan telah bersetuju untuk membeli pada harga yang telah dikunci. Harga yang dikunci tidak akan terjejas dengan perubahan yang berlaku sama ada menurun atau menaik.

Contoh: Harga semasa 250 gram (PG Sell) pada 2 Januari 2013 adalah RM34,000. Sekiranya pada 3 Januari 2013 harga 250 gram (PG Sell) melonjak kepada RM35,000 anda tetap hanya perlu membayar jumlah harga yang “*LOCKED*” pada 2 Januari 2013. Begitu juga sebaliknya jika harga emas jatuh selepas “*lock*” harga dibuat.

Dalam urusniaga Public Gold, pelanggan yang menempah kemudian membatalkan tempahan akan disenarai hitam dan dikenakan penalti atau denda menurut yang ditetapkan oleh agensi antaranya Public Gold. Contoh situasi *lock price* dilakukan seperti dibawah:

Contoh:

Bagi 1 Dinar

Masa 8.30pm 9.30pm 10.30pm 11.30pm
Harga (RM) 689 690 691 690

Ali hubungi dealer pada pukul 11.30 pm untuk membeli 1 dinar, maka dealer tersebut yang sememangnya mempunyai akaun Public Gold akan membolehkannya untuk mengunci harga RM690 seperti yang hendak dibeli oleh Ali. Setelah harga itu dikunci oleh dealer, sebarang perubahan nilai pada 1 dinar tersebut tidak akan diambil kira bagi pembelian logam tersebut. Ertinya komitmen pembeli itu adalah pada harga yang telah dikunci oleh dealer yang berurusan dengan pembeli tersebut.

RAJAH 1. Proses kunci harga (*lock price*) yang dilakukan di agensi Public Gold.

Sumber: Goldasrar (2011)

Proses ini menjadikan peningkatan dan penurunan harga emas yang berlaku tidak mempengaruhi harga emas yang telah dikunci. Ditambah lagi proses pembayaran selepas melakukan kunci harga adalah berlaku penangguhan. Ini boleh dilihat kepada proses yang dijalankan oleh syarikat Public Gold iaitu selepas *sales order* diberikan setelah *lock price* maka pembeli diberikan tempoh selama 24 jam untuk melakukan pembayaran.

Sehubungan itu, dalam proses kunci harga ini timbul beberapa keraguan yang membawa kepada bertangguh iaitu:

1. Proses kunci harga yang menafikan harga semasa kerana setelah kunci harga dilakukan harga yang telah dikunci tidak berubah dengan berlakunya peningkatan atau penurunan harga emas semasa.
 2. Pembayaran yang dilakukan dalam tempoh 24 jam selepas menerima *sales order*.
 3. Pembatalan tempahan menerusi proses kunci harga ini akan dikenakan penalti atau denda. Situasi ini seakan membentuk “suatu kemestian” dengan denda yang ditetapkan atas pembatalan yang dilakukan.

Sales Order

Public Gold Marketing Sdn. Bhd. (930830-K)

12E, 1st Floor, Jalan Rambutan, 11900 Bukit Jambul, Penang, Malaysia

Tel: 04-6448888 Fax: 04-6448889

Email: info@publicgold.com.my

Website: www.publicgold.com.my

No. Sales Order

Doc No: PM2-006523

28/12/2011

Customer: Mohd Zukiffi Bin Shafie

Attn: Mohd Zukiffi Bin Shafie

Tel: 019-3368009

Fax:

Email: ibnushafie@gmail.com; zulkifli@mtnet.com.my

No. kod dealer / customer Public Gold

A/C Code: PG002369

Dealer: Mohd Zukiffi Bin Shafie

Ordered By:

Payment By: (PBM) Cash

PURCHASE OF GOLD PRODUCTS

	Description	Item Weight (grams)	Qty	Price / (RM)	Price / (RM)	Total Weight (grams)	Amount (RM)
1	PD0001 Public Gold 1 Dinar 4.25g (Au 916)	4.25	13 Pcs	726.00	55.25	55.25	9,438.00
RM Nine thousand four hundred and thirty eight only.							Grand Total: 9,438.00

Email order 28/12/2011 @ 10.43am

Cash to be bank into our bank account : WITHIN 24 HOURS.

Our Bank details as below:

Account Name: PUBLIC GOLD MARKETING SDN BHD.

Bank : PUBLIC BANK BERHAD

ACCOUNT NO.: 3167-52-0933

Bank: MAYBANK BERHAD

ACCOUNT No: 5071-3410-4563

1. Sales Order issued day is refer to T- day, for customer convenience purpose, FULL PAYMENT need to be made and payment slip need to be faxed to Public Gold by the same day. Payment slip will be sent to Public Gold Account Receivable Division within 24 hours.

2. Please ensure that Document No. (PM1-00*****) and Customer Account Code (PG00*****) are written on the payment advises clearly.

3. Sales Order issued is not allowed to cancel by customer. A processing fee (5% of Sales Order price; Or Price discrepancy between Sales Order and current selling price on cancellation date, which is higher) will be charged and trading account will be blacklisted if customer insists to do so.

4. Please bring along your ORIGINAL payment advice(s) for stock collection purpose. Without original payment advice(s), no stock will be released by the company. Please contact respective branch person in charge should you have any difficulties or enquiries.

(Public Gold reserves the right to amend terms and conditions above without prior notice.)

Bank-in bayaran ke akaun Public Gold

** Sales Order issued is not allowed to cancel. Penalty charges will be charged if customer insist to cancel the order.

Prepared By: MIERA SWY

Order Approved By:

I hereby agree to purchase the above mentioned item(s) and abide with the terms and conditions above,

Business Development Manager

Name:

IC No.:

Date:

RAJAH 2. Resit pembelian emas secara kunci harga (*lock price*)

Sumber: Mohd Zulkifli (2012)

Pada item no satu dalam surat *sales order* menerangkan bahawa pembayaran hendaklah dilakukan dalam tempoh 24 jam selepas menerima

sales order. Dan perkara yang berkaitan denda ditulis di dalam klausa perjanjian dalam tempahan seperti berikut:

Dear Sir,

Please issue Sales Order to me with the following details:

Mohd Zulkifli b. Shafie (nama penuh anda)

801001-01-XXXX (no. ic)

019-3368008 (no. telefon)

ibnushafie@gmail.com (alamat email)

Items to order are as follows:

1 Dinar × 13 pcs

(Senaraikan semua item. Pastikan item dan bilangannya betul. PG tak terima sebarang perubahan dan pembatalan order, ataupun anda akan dikenakan penalti)

I have attached the price (pastikan anda attach sekali print screen harga semasa) for your reference. Total amount of the order should be RM9,438 (i.e. RM726 × 13 pcs. Buat pengiraan total harga supaya staff PG dapat detect jika berlaku kesilapan bilangan item). I would collect the stocks at Sunway Branch (bagi tahu Cawangan PG yang mana anda nak collect. Sila semak Cawangan PG berkedekatan anda di www.publicgold.com.my, "Contact Us").

My introducer is _____. (Letakkan (1) nama dealer (2) no. kod dealer yang akan membantu anda membuat follow-up dengan PG bagi pihak anda kalau perlu. Contohnya, kalau nak mintak saya bantu, tulis nama "Mohd Zulkifli b. Shafie," kod "PG002369." Bantuan daripada dealer berpengalaman dapat memudahkan urusan anda dengan PG)

Regards.

RAJAH 3. Perjanjian bagi kunci harga (*lock price*) di Public Gold

Sumber: Mohd Zulkifli (2012)

“PG tak terima sebarang perubahan dan pembatalan order, ataupun anda akan dikenakan penalti” – klausa ini yang memperuntukkan denda atau penalti (*gharāmah*) menjadikan tempahan tersebut suatu bentuk kemestian untuk menyempurnakan tempahan menerusi *lock price* yang dilakukan. Ini kerana konsep *gharāmah* ialah penalti untuk elak lewat bayaran sekaligus menjadikan ia telah membentuk satu kontrak yang mesti.

IMPLIKASI *WA‘D* DALAM KONTRAK MENURUT *FIQH MU‘ĀMALĀT*

Wa‘d ialah perjanjian yang diberikan oleh sebelah pihak. *Wa‘d* atau perjanjian bermaksud sesuatu perbuatan di mana seseorang atau lebih mengikatkan dirinya terhadap seseorang lain atau lebih (H. Chairuman Pasaribu 2004: 1). Dengan kata lain, perjanjian adalah sesuatu kesepakatan di antara

seseorang atau beberapa orang dengan seseorang atau lebih untuk melakukan sesuatu perbuatan tertentu. Kontrak juga adalah sejenis perjanjian. Menurut *English Common Law*, kontrak didefinisikan sebagai perjanjian antara kedua-dua belah pihak untuk menjadikan sesuatu janji itu mengikat (E. Allan Farnsworth 1984: 23). Menurut Aznan Hasan (2008), *wa‘d* merupakan suatu janji secara *unilateral* yang diberikan oleh satu pihak kepada suatu pihak yang lain untuk melakukan sesuatu perkara, seperti janji untuk membeli dan janji untuk menjual.

Para ulama berselisih pandangan mengenai adakah wajib menyempurnakan *wa‘d* untuk melakukan kontrak. Maka perbezaan pandangan ini memberikan hukum yang berbeza bergantung kepada kondisi *wa‘d* tersebut adalah ia suatu kemestian atau tidak. Majoriti Ulama yang terdiri daripada Hanafi, Shāfi‘i, Mālikī dan Hanbali berpendapat bahawa *wa‘d* hanya mengikat dari sudut agama sahaja, namun tidak

mengikat dari sudut perundangan seperti kontrak. Ini kerana *wa'd* adalah *tabarru'* dan secara konsepnya akad *tabarru'* adalah tidak dianggap mengikat oleh fuqaha sepetimana akad hibah (al-Zuhayli 2009: 90).

Jika *wa'd* dianggap mengikat, maka ia mempunyai status yang sama seperti kontrak, sedangkan kontrak tidak terbentuk dengan semata-mata *wa'd* tetapi memerlukan *ijab* dan *qabul*. Oleh itu, *wa'd* tidak sepatutnya bersifat mengikat. Berbeza dengan pandangan di atas, al-Bukhari mengatakan bahawa melaksanakan janji bukan sahaja wajib dari sudut agama, malah wajib juga dari sudut perundangan. Ibn Shubrūmah berpendapat bahawa orang yang berjanji mesti bertanggungjawab ke atas janji yang dibuat, dan dia boleh dipaksa (melalui mahkamah) sekiranya dia tidak berbuat sedemikian (al-Qurrah Dāghi, 'Ali Muhy al-Din 2002: 403).

Ulama Mālikī dan Hanbali menjadikan janji bersifat mengikat dari sudut perundangan jika pihak yang menerima janji sudah beranggapan bahawa janji tersebut akan ditunaikan (Bank Negara Malaysia 2007: 99). Sebahagian ulama pula berpendapat bahawa janji yang dibuat sebelum kontrak diputuskan adalah menyerupai syarat yang ditetapkan sebelum kontrak. Menurut Taqiy Uthmani (2005: 88) terdapat perbezaan antara janji dan syarat sebelum kontrak. Hal ini kerana, sesebuah kontrak hanya dikira sah apabila ia memenuhi syarat yang ditetapkan.

PERBEZAAN *TAWĀ'UD* ATAU *MUWĀ'ADAH* DENGAN *WA'DĀN*

Menurut Aznan Hasan (2008), terdapat perbezaan yang khusus berkaitan dengan *muwā'adah* dengan *wa'dān* iaitu dari sudut perjanjian daripada kedua-dua pihak sama ada ia berbentuk timbal balas yang berkaitan ataupun tidak:

Wa'dān ialah dua janji yang diberikan secara *unilateral* (*two unilateral promises*) oleh satu pihak kepada pihak yang lain, dan begitu juga sebaliknya, dan dua janji ini tidak saling berkaitan dan perlaksanaannya adalah bergantung kepada dua syarat (*conditions*) yang berbeza.

Muwā'adah ialah dua janji yang diberi secara timbalbalas (*bilateral*) oleh dua pihak, satu kepada yang lain, sama ada janji tersebut dibuat secara bersyarat atau tidak. Contoh tidak bersyarat ialah seperti Abu berjanji untuk menjual kereta kepada Ali pada suatu masa tertentu dan Ali juga memberi janji untuk menjual kereta yang sama pada masa yang sama. Manakala contoh pemberian janji timbal balik

secara bersyarat pula ialah seperti Abu memberi janji kepada Ali untuk membeli kereta daripada Ali jika sekiranya situasi A berlaku. Dalam masa yang sama, Ali juga memberi janji kepada Abu untuk menjual kereta kepada Abu juga jika sekiranya situasi A berlaku (Abu Ghuddah 2006: 4).

Akademi Fiqh di Jeddah tidak mengharuskan berlakunya *muwā'adah* kerana ia menyerupai kontrak yang telah mengikat kedua-dua pihak yang terlibat dengan tanggungjawab sedangkan kontrak belum lagi dibuat. – Decisions 2 and 3, fifth session 1988. Fiqh Academy Journal. hlm. 1599-1600; Lihat juga: Daud Bakar. *Islamic Derivatives Solutions: Methodology, Issues and Product Structuring with Special Reference to Profit Rate Swap and Forex*. International Institute of Islamic Finance.

Menurut pandangan Taqiy Uthmāni (2005) adalah tidak tepat menyamakan *al-muwā'adah* sebagai akad jual beli. Ini adalah kerana terdapat perbezaan yang ketara antara keduanya. Antaranya:

1. Di dalam *muwā'adah*, kontrak belum terlaksana, hanya sekadar persefahaman yang mengikat. Kontrak yang sebenar hanya akan berlaku pada tarikh yang telah dipersetujui dengan *ijab* dan *qabul* yang mesti berlaku.
2. Oleh kerana itu, di dalam *muwā'adah*, kontrak belum terlaksana dan tidak berlaku sebarang penyerahan barang, begitu juga tidak menjadi liabiliti kepada pembeli untuk membayar harga (*dayn fi al-dhimmah*). Di dalam kontrak, jika kita menyatakan bahawa akad telah berlaku, maka barang yang diperniagakan telah bertukar milik. Jika barang tersebut adalah barang yang dikenakan zakat, maka tiada lagi tanggungjawab zakat ke atas penjual. Begitu juga, jika sekiranya harga masih belum dibayar, maka ia menjadi liabiliti (*dayn fi al-dhimmah*).

Sebagai implikasinya, hukum-hakam berkenaan dengan hutang terlaksana terhadap hutang tersebut. Antaranya ialah, zakat adalah tidak diwajibkan ke atas hutang tersebut, jika sekiranya pembeli menjadi muflis sebelum membayar hutang tersebut, hak untuk penjual untuk menuntut hutang adalah sama rata dengan pembiutang (*creditor*) yang lain. Sebaliknya di dalam *muwā'adah*, tiada sebarang hutang yang terbentuk, kerana kontrak belum berlaku. Berdasarkan kepada perbezaan-perbezaan ini, adalah tidak tepat menyatakan bahawa apabila dua pihak memberi *muwā'adah*, pada hakikatnya mereka telah melakukan kontrak (Taqiy Uthmani 2005: 315-319).

Bagi pengkaji, pandangan yang tidak mengharuskan *muwā'adah* adalah lebih menjamin

maslahat dari terbuka kepada unsur riba dan *gharar* dalam timbalbalas perjanjian yang dimeterai. Dikuatkan lagi bahawa perjanjian yang timbalbalas yang berlaku penangguhan kedua-duanya lebih mirip kepada larangan Nabi Muhammad SAW ke atas *bay' al-kali'* *bi al-kali'* menerusi hadith yang diriwayatkan oleh Ibn 'Umar (al-Shawkāni 2004: 177):

أَنَّ النَّبِيَّ نَهَىٰ عَنْ بَيْعِ الْكَالَىٰ بِالْكَالَىٰ

Maksudnya: "Sesungghnya Nabi telah melarang daripada jual beli hutang dengan hutang (*bay' al-kali'* *bi al-kali'*)"

Sehubungan itu, hukum *wa'dān* adalah berbeza dengan *muwā'adah* meskipun dilihat sama pada kedua-dua janji yang terbit tetapi kerana asas prinsip kedua-duanya berbeza iaitu (Aznan Hasan 2008):

1. *Muwā'adah* bersifat timbal balik di antara dua pihak dan saling berkaitan antara a. dua pihak.
2. Dalam *muwā'adah*, wujud persepakatan antara dua pihak untuk melakukan sesuatu terhadap subjek akad yang sama. Sedangkan subjek akad dalam *wa'dān* adalah berlainan dan tiada persepakatan berlaku antara kedua-dua belah pihak.
3. *Muwā'adah* juga berbeza dengan *wa'dān* dari segi syarat kepada pemberian janji untuk menjual atau membeli. Dalam situasi *wa'dān*, syarat yang diletakkan untuk keduanya adalah berbeza, manakala dalam *muwā'adah*, syarat yang diletakkan adalah sama.
4. *Wa'dān* juga berbeza dengan *muwā'adah* dari aspek tarikh dan masa penghantaran barang atau pembayaran dilakukan. Sebagai contoh, dalam *wa'dān*, pihak A melakukan *wa'd* untuk menjual barang Y pada 10 Jun 2012 (Shofian Ahmad & Azlin Alisa Ahmad 2008).

IMPLIKASI KONSEP *WA'D* DAN *WA'DĀN* MENERUSI KAEDAH *LOCK PRICE*

Dalam konteks perbincangan ini, pengkaji tidak memasuki konsep *muwā'adah* atau *tawā'ud* kerana pengkaji memilih pandangan bahawa ia tidak diharuskan di dalam Islam kerana ia menyerupai kontrak jual beli (Bank Negara Malaysia 2010). Perbincangan yang dilakukan hanya fokus kepada konsep *wa'd* dan *wa'dān* sahaja.

Isu yang timbul daripada penggunaan kaedah *lock price* sebagaimana yang diterangkan prosedurnya sebelum daripada ini ialah:

1. Berlaku penangguhan pada bayaran dan serahan barang. Ia jelas apabila dalam syarat tempahan menerusi *lock price* maka pelanggan mempunyai masa 24 jam untuk menjelaskan pembayaran.
2. Berlaku bentuk kemestian dalam tempahan yang dilakukan. Menjadikan ia menyerupai janji mengikat kedua-dua belah pihak (*muwā'adah mulzimah*) dan menjurus kepada berlakunya kontrak jual beli dalam keadaan hutang dengan hutang.
3. Ia lebih bersifat *muwā'adah* kerana peniaga dan pelanggan memberikan timbalbalik perjanjian iaitu persetujuan membeli emas pada harga yang dikunci dan dikenakan penalti atau denda (*gharamah*) jika berlaku pembatalan tempahan.

Dalam hal ini, jelas ketiga-tiga isu yang timbul ini adalah bercanggah dengan karakter fiqh bagi urusniaga yang melibatkan item *ribawi* antaranya emas. Sehubungan itu, pengkaji melihat perlunya kepada penambahbaikan kaedah *lock price* ini memandangkan keperluan dalam kaedah ini terutamanya apabila melibatkan:

1. Lindung nilai dalam tempahan emas yang melibatkan pasaran import dan eksport yang memakan masa.
2. Lindung nilai dalam tempahan emas yang dibeli dari agensi yang terpaksa menunggu proses penghantaran emas dari kilang.

Konteks lindung nilai pada masa kini lebih sesuai merujuk kepada *wa'dān*. Ini kerana *wa'd* hanya janji daripada sebelah pihak sahaja dan hanya memberikan keuntungan serta menjaga risiko pada satu pihak sahaja iaitu pemberi janji (Shamsiah & Rusnah 2010). Walaupun begitu, janji yang ingin dilakukan mestilah tidak membentuk kontrak jual beli pada asasnya kerana urusniaga emas mestilah tunai dan berlaku serah terima secara terus. Sekiranya *wa'd* yang dimasukkan dalam proses kunci harga (*lock price*) adalah menyamai proses kontrak jual beli, ia tidak dibenarkan kerana akan berlaku penangguhan (JAKIM 2011).

JAKIM (2011) juga menyatakan di dalam parameter pelaburan emas bahawa pelanggan boleh membatal pesanan yang dibuat dan penjual hendaklah memulangkan wang kepada pembeli. Namun, jika berlaku kerugian sebenar disebabkan pembatalan tersebut, bolehlah dibuat syarat bahawa ia perlu ditanggung oleh pembeli. Berdasarkan situasi ini, isu lindung nilai ini lebih sesuai untuk diaplikasikan konsep *wa'dān* dalam proses *lock price*. Ia bersifat menjamin keadilan kedua-dua belah pihak. *Wa'dān*

yang berlaku mestilah dipastikan tidak menyerupai *muwādāh*. Maka *wa'dān* mestilah dua *wa'd* atau janji yang dibuat mestilah dilakukan secara berasingan (Azlin & Mustafa 2014).

PENAMBAHBAIKAN KADEAH *LOCK PRICE* PADA STATUS PERJANJIAN

Dalam kaedah *lock price* ia boleh berlaku kepada tiga keadaan seperti berikut:

1. Ia sudah dikira sebagai satu kontrak jual beli dalam keadaan bertangguh penyerahan barang jualan dan duit bayaran.
2. Ia dikira sebagai jaminan daripada pihak pembeli yang mesti disempurnakan kerana penjual tidak akan menjual emas tersebut kepada pihak lain melainkan kepada pembeli yang sudah memberikan janji. Maka menjadi suatu kemestian pembeli membeli apa yang telah diberikan dijanjikannya.
3. Ia dikira sebagai jaminan yang bergantung kepada persetujuan melakukan kontrak jual beli yang baru pada tempoh yang telah ditetapkan bersama. Maka terpulang kepada kedua-dua pihak sama ada untuk melakukan kontrak jual beli tersebut atau tidak.

Justeru, jika perjanjian yang diberikan merupakan situasi yang pertama iaitu sudah dikira berlakunya kontrak jual beli maka ia telah membuka ruang berlakunya penangguhan kedua-dua barang. Kontrak jual beli yang melibatkan item *ribawi* sebegini adalah tidak diharuskan. Manakala jika perjanjian yang dilakukan dalam situasi kedua iaitu sebagai satu bentuk jaminan yang mesti ditunaikan maka ia menjadikan kontrak jual beli yang berlaku terdapat unsur penangguhan. Sehubungan itu, penangguhan tersebut adalah tidak diharuskan sebagaimana dalam hadith yang diriwayatkan oleh 'Ubādah bin al-Šāmit. Persamaan antara kondisi ini dengan kondisi yang pertama ialah kelaziman dalam terjadinya kontrak jual beli secara bertangguh. Namun situasi ini tidak menamakan berlakunya kontrak melainkan pada tempoh bertangguh yang dijanjikan. Soalnya kemestian dalam menunaikan perjanjian tersebut menjadikan ia diharamkan. Inilah yang disebut sebagai *muyūl ila al-luzūm* (kecenderungan yang pasti).

Berbeza dengan situasi ketiga yang mana perjanjian yang diberikan adalah sekadar jaminan untuk melakukan kontrak jual beli yang baru pada waktu tempoh yang ditetapkan sekiranya pada masa

tersebut kedua-dua pihak bersetuju melakukan jual beli. Maka perjanjian ini tidak membuat kontrak jual beli di waktu perjanjian dilakukan dan ia tidak menjadikan kemestian yang membawa kepada *muyūl ila al-luzūm* yang menyebabkan berlakunya jual beli emas secara bertangguh. Sehubungan itu, maka perjanjian yang berlaku tidak memberikan kesan apa-apa. Kesan jual beli hanya berlaku pada kontrak jual beli yang baru yang dilakukan pada waktu yang disepakati, sebelum daripada itu tiada apa-apa.

Dalam hal ini, Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Malaysia (JAKIM 2011) bersetuju bahawa perjanjian dari sebelah pihak sahaja iaitu *wa'd* dibenarkan namun bukan sebagai kemestian atau telah membina kontrak. Jika tidak maka *wa'd* tersebut juga tidak diharuskan. Selain itu, perjanjian daripada kedua-dua belah pihak iaitu *muwādāh* atau *tawā'ud* adalah tidak diharuskan. Adapun resolusi ke-157 dari *Majma' al-Fiqh al-Islami* mengenai *muwādāh* adalah lebih cenderung kepada membenarkan *muwādāh* sekiranya terdapat *hājrah ammah* untuk melaksanakan kontrak jual beli tersebut pada masa hadapan, sama ada disebabkan undang-undang atau seumpamanya, atau berdasarkan amalan urusan perdagangan antarabangsa yang melibatkan *import* dan *eksport*. Namun begitu tanpa wujudnya *hājrah ammah* (keperluan yang umum) maka resolusi tersebut turut tidak membenarkan *muwādāh* kerana ia merupakan helah kepada berlakunya riba (Aznan Hasan 2008).

Justeru, pengkaji melihat sekiranya konsep *wa'd* atau *muwādāh* dalam situasi pertama iaitu terbina kontrak jual beli dan kondisi kedua iaitu jaminan yang menjadikan kemestian untuk dilaksanakan adalah tidak dibenarkan kerana telah berlaku kontrak jual beli yang bertangguh ke atas barang *ribawi*. Bagi kondisi situasi pula yang hanya sekadar janji yang masih belum terbina kontrak dan tiada menjadi suatu kemestian maka ia adalah diharuskan dengan syarat nilai harga emas tidak ditetapkan kerana nilai harga emas adalah sentiasa berubah. Maka janji yang berlaku adalah untuk membeli sahaja bukan membeli dengan harga yang telah dikunci.

Dalam urusniaga yang melakukan konsep *lock price* sebagaimana diterangkan sebelum ini dengan meletakkan denda atau penalti jika adanya perubahan dan pembatalan membentuk ikatan timbal balik dalam perjanjian yang wujud kemestian untuk disempurnakannya. Pemerhatian yang dilakukan, *lock price* ini termasuk dalam *muwādāh* yang mengikat dan tidak diharuskan kerana perjanjian bersama seumpama ini iaitu *muwādāh* membentuk satu bentuk kontrak jual beli ketika *lock price* dilakukan

bahkan menjadi satu kesalahan ke atas pembeli jika membatalkan kontrak tersebut dengan dikenakan penalti.

Pengkaji mencadangkan penambahbaikan dalam kaedah *lock price* ini dengan menerusi *wa‘dān*. Penambahbaikan ini mestilah mematuhi garis panduan iaitu:

1. Berlaku dua *wa‘d* yang berlaku adalah berasingan. *Wa‘d* dari pelanggan adalah untuk lindung nilai dari risiko perubahan nilai disebabkan tempoh yang lama untuk memiliki. Manakala *wa‘d* dari penjual pula sekiranya berlaku kerugian jika pembatalan dilakukan maka kerugian ditanggung oleh pelanggan pada nilai yang rugi sahaja tanpa caj tambahan.
2. Tidak boleh berlaku *wa‘d* yang mengikat yang menjadi kemestian untuk disempurnakan. Perkara ini adalah *muyūl ila al-luzūm* yang menjadikan ia telah terbina kontrak jual beli. Pelanggan berhak membatalkan tempahan dan layak mendapat kembali wang tempahan.
3. Pembatalan tempahan tidak terikat dengan penalti atau denda yang semata-mata atas dasar pembatalan yang berlaku. Hanya ganti rugi (*ta‘wīd*) apabila berlaku kerugian, ditanggung oleh pelanggan ekoran pembatalan yang dilakukan. Jika tiada kerugian, maka pelanggan tidak perlu menanggung apa-apa kos yang dibebankan ke atasnya. Bayaran ganti rugi ini juga sekadar mengembalikan keadaan kerugian kepada keadaan tidak rugi dan ini tidak menguntungkan pihak bank kerana ia hanya sekadar memperbaiki keadaan. Ia berbeza dengan riba yang bersifat memberikan keuntungan kepada satu pihak sahaja.
4. Serah terima dalam satu majlis iaitu *taqābuḍ* mestilah memenuhi gambaran *taqābuḍ ḥukmiy* dengan pembayaran penuh dilakukan secara langsung ketika tempahan dibuat. Resit dari penjual mestilah menyatakan ciri-ciri emas fizikal yang ditempah berserta butiran pembayaran penuh. Jika pembayaran yang dilakukan secara sebahagian sahaja, ia masih termasuk dalam konteks bertangguh yang dilarang.
5. Tiada *khiyār* yang disyaratkan kerana ia mengakibatkan wujud penangguhan.
6. Tempahan menerusi *lock price* diharuskan pada konteks *hājāh ‘ammah* (keperluan yang umum) seperti perdagangan yang melibatkan import dan eksport atau tempahan yang melibatkan pembuatan akan datang kerana kuantiti yang amat banyak. Sekiranya tiada keperluan yang umum,

hanya keperluan peribadi yang sepatutnya tiada halangan untuk dilakukan pembelian terus maka ia tidak diharuskan. Ini kerana *wa‘dān* adalah bertujuan lindung nilai dari risiko yang tidak diingini.

Merujuk kepada penambahbaikan terhadap kaedah *lock price* menerusi *wa‘dān* ini menjadikan janji yang berlaku tidak membentuk kontrak kerana tiada timbal balik perjanjian yang dimeterai dan tidak sebarang unsur kemestian dalam menyempurnakan tempahan. Berkenaan dengan ganti rugi (*ta‘wīd*) dan denda (*gharāmah*), Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (2010) berkenaan keharusan menggunakan kaedah ganti rugi (*ta‘wīd*) dan denda (*gharāmah*) dengan syarat-syarat tertentu. Institusi perbankan Islam boleh mengiktiraf *ta‘wīd* sebagai pendapatan atas dasar ia dikenakan sebagai ganti rugi atas kerugian sebenar yang dialami manakala *gharāmah* pula tidak boleh diambil kira sebagai pendapatan sebaliknya ia perlu disalurkan kepada badan-badan kebajikan tertentu. Disebabkan itu, bagi menjamin keadilan kepada pihak penjual emas, maka pengkaji mencadangkan hanya ganti rugi (*ta‘wīd*) kerana hanya untuk mengelak kemudaratan yang timbul sahaja dan konsep *ta‘wīd* yang diamalkan ialah pampasan kerana kerugian jika ada kerugian. Maknanya konsep *ta‘wīd* tidak menjadikan sesuatu itu tempahan itu kontrak yang telah wujud. Berbeza dengan penalti atau denda (*gharāmah*) yang dikenakan bagi mengelakkan pembayaran lewat menjadikan ia telah terbentuk kontrak yang wujud sedangkan belum berlaku *qabd* iaitu telah wujud penangguhan.

KESIMPULAN

JAKIM (2011) telah memperakui *wa‘d* dalam isu ini selagi tidak menyamai kontrak jual beli. Di samping itu, *wa‘d* yang dimaksudkan apabila perdagangan yang berlaku melibatkan konteks negara yang berjauhan. Begitu juga dengan resolusi *Majma‘ al-Fiqh al-Islami* yang menggabungkan pandangan mazhab Hanafi dan Maliki dalam mengharuskan *muwā‘adah* dengan bersyarat iaitu tidak membentuk keterikatan yang menyamai kontrak jual beli dan wujudnya *hājāh ‘ammah* (keperluan yang umum). Jelas kedua-dua bersepakat bahawa tempahan menerusi kaedah *lock price* hanya pada keperluan dan tidak boleh berlakunya kontrak jual beli emas yang merupakan item *ribawi* secara bertangguh.

Menerusi penambahbaikan *lock price* menerusi *wa‘dān* dibentuk enam garis panduan atau parameter dalam memastikan karakter fiqh terhadap

urusniaga item *ribawi* dijaga. Selain itu, kelebihan penambahbaikan ini menerusi *wa'dān* ialah *wa'dān* lebih bersifat adil bagi kedua-dua belah pihak, tidak hanya kepada pihak pemberi janji sahaja. Wujudnya *wa'dān* adalah untuk lindung nilai dalam pasaran hadapan yang terdedah kepada risiko kejatuhan nilai wang fiat yang berbeza jenis dan perubahan nilai emas yang semasa.

Bahkan penjual tidak boleh sewenang-wenangnya mengenakan denda atau penalti ke atas pembatalan yang dilakukan oleh pembeli melainkan jika wujud kerugian dan ia hanya kadar kerugian sahaja. Ini bagi menjamin tidak berlaku seakan-akan kontrak dalam masa yang sama menjamin maslahat penjual agar tidak berlaku penipuan yang boleh menyebabkan kerugian ke atas penjual atau agensi emas. Walau bagaimanapun kerugian yang itu mestilah dibuktikan dan dibayar pada kadarnya sahaja.

Kepentingan garis panduan cadangan dalam penambahbaikan ini bagi memastikan kewangan Islam dalam sektor urusniaga item *ribawi* lebih menjamin dengan prinsip syariah agar benar-benar kewangan Islam diangkat sebagai kewangan yang menjamin prinsip keadilan dalam urusniaga yang dilakukan.

RUJUKAN

- al-Qur'an al-Karim.
- Ab Mumin Ab Ghani. 1997. *Peristilahan "Riba": Satu Analisis Hukum*. *Jurnal Syariah* 5(2): 187-203.
- Abu Ghuddah, Abd al-Sattar. 2006. *al-Muwata'ah 'ala Ijra' al-'Uqud wa al-Muwa'adah al-Muta'addidah*. Kertas Kerja yang dibentangkan pada Majma' al-Fiqh al-Islami, Daurah ke-17, Amman, Jordan.
- Ahmad Suhaimi Yahya. 2008. *Penggunaan Wa'd dalam Kontrak Buyut, Ijarah dan Shirkah: Implikasi Hukum*. Kertas kerja Seminar Cendekiawan Syariah Nusantara. Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa Dalam Kewangan Islam (ISRA), 27-28 Februari.
- Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri. 2011. Hukum pemakaian dan zakat suasa dan emas. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa (Jurnal of Fatwa Management And Research)* 2(4): 73-89.
- Audit Ghazali. 1986. *Pengeluaran*. Kertas kerja Kursus Jangka Pendek Ekonomi Islam. Anjuran Universiti Islam Antarabangsa. Petaling Jaya, Julai – Disember.
- Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa Dalam Kewangan Islam (ISRA). 2010. *Parameter Hiyal dalam Kewangan Islam*. Kertas kerja Muzakarah Seminar Cendekiawan Syariah Nusantara. Anjuran ISRA. 10-11 November.
- Atikullah Abdullah. 2007. Penetapan syarat dalam akad perniagaan: Kedudukan dan garis panduannya menurut fiqh Islam. *Jurnal Syariah* 15(1): 15-28.
- Aznan Hasan. 2008. *Pengertian al-Wa'd, al-Wa'dan dan al-Muwa'adah*. Kertas kerja Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara. 27-28 Februari.
- Bank Negara Malaysia. 2007. *Syariah Resolutions in Islamic Finance*. Ed. 1. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- BNM. 2010. *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam*. Kuala Lumpur: BNM Malaysia
- al-Baz, 'Abbas Ahmad. 2005. *Ahkam Bay' wa Shira' al-Dhahab wa al-Fiddah bi Wasithah al-Shikat fi al-Fiqh al-Islami*. Kertas kerja Kulliyah al-Shari'ah. Anjuran al-Jami'ah al-Urduniyyah.
- al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan. 2005. *Dawabit al-Maslahah fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Damshiq: Dar al-Fikr.
- e-Fatwa. 2011. *Parameter Pelaburan Emas*: <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/parameter-pelaburan-emas> [15 Mei 2014].
- e-Fatwa. 2013. *Pembelian Emas Secara Ansuran*: <http://www.e-fatwa.gov.my/blog/pembelian-emas-secara-ansuran> [15 Mei 2014].
- e-Fatwa. 2014. *Penjelasan Tentang Parameter Pelaburan Emas*: <http://www.e-fatwa.gov.my/blog/penjelasan-tentang-parameter-pelaburan-emas> [15 Mei 2014].
- e-Muamalat. 2012. *Pelaburan Emas Bagaimana Caranya Menurut Perspektif Islam*: <http://www.islam.gov.my/muamalat/berita/pelaburan-emas-bagaimanakah-caranya-menurut-perspektif-islam> [15 Mei 2014].
- Fadl Ilahi. 1991. *al-Tadabir al-Waqiyyah Min al-Riba' fi al-Islam*. Riyad: Maktabah al-Muayyad.
- Husam al-Din. 2005. *Fiqh al-Tajir al-Muslim wa Adabuh*. Palestin: Maktabah Dandis.
- Hussayn Ratib Rayyan. 2007. *Ahkam al-Ta'amul bi al-Dhahab wa al-Fiddah fi al-Fiqh al-Islami wa Tatbiquh al-Mu'asirah*. al-Majallah al-Urduniyyah Li al-'Ulum al-Tatbiqiyyah 2(10).
- Ibn 'Ashur, Muhammad Tahir. 2001. *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Jordan: Dar al-Nafa'is.
- Ibn Manzur, Muhammad bin Mukarram bin 'Ali bin Ahmad. 2004. *Lisan al-'Arab*. al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Ibn Qayyim, Muhammad Abu Bakr. 1995. *Hashiyat Ibn Qayyim 'ala Sunan Abi Dawud*. Beyrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Qayyim, Muhammad Abu Bakr. 2002. *Flām al-Muwaqqi'īn*. Sa'udi: Dar Ibn al-Jawzi.
- Ibn Qudamah, Abu Muhammad dan 'Abdullah bin Ahmad bin Muhammad. 1997. *al-Mughni*. Riyad: Dar 'Alim al-Kutb.
- Ibn Rushd, Muhammad bin Ahmad. 2003. *Bidayat al-Mujtahid wa Nihayat al-Muqtasid*. al-Qahirah: Dar al-Hadith.

- Ibn Rushd, Muhammad bin Ahmad. 1998. *al-Muqaddimat al-Mumahhidat*. Beyrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Immarah, Muhammad. 2009. *Qamus al-Mustalahat al-Iqtisadiyyah*. al-Qahirah: Dar al-Salam.
- Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). t.th. *Nilai Masa Wang dalam Skim Perbankan Islam*. <http://www.ikim.gov.my/index.php/ms/berita-harian/7610-nilai-masa-wang-dalam-skim-perbankan-islam> [15 Mei 2014].
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). 2009. *Himpunan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan: Berhubung dengan Isu-isu Muamalat*. Kuala Lumpur: JAKIM.
- al-Jarjawi, ḨAli Ahmad. 2007. *Hikmah al-Tashri‘ wa Falsafatuh*. t.tp: t.pt.
- al-Jaziri, ḨAbd Rahman. 2000. *al-Fiqh ‘ala al-Madhabib al-‘Arba‘ah*. Istanbul: Maktabah al-Haqiqah.
- Joni Tamkin Borhan. 2002. Polisi kewangan menurut perspektif ekonomi Islam. *Jurnal Syariah* 10(1): 71-88.
- Kamus Melayu DBP. t.th. <http://melayuonline.com/dictionary> [15 Mei 2017].
- al-Kasani, Abu Bakr. 2010. *Bada‘i al-Sanai‘*. Beyrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Khalid Ahmad Sulaiman Shibkah. 2008. *al-Takyif al-Shari‘ li al-Awraq al-Naqdiyyah wa ma Yanbaghi ‘ala min Ahkam Fiqhiyyah*. Iskandariyyah: Dar al-Fikr al-Jami‘i.
- Majma‘ al-Fiqh al-Islami al-Duwali. t.th. <http://www.fiqhacademy.org.sa/qararat/3-9.htm> [15 Mei 2017].
- al-Māni‘, ḨAbdullah Sulayman. 2004. *al-Ta‘sil al-Fiqhi li al-Tawarruq fi Daw‘i al-Ihtiyajat al-Tamwiliyyah al-Mu‘āsirah*. Majallah al-Buḥuth al-Islamiyyah, bil. 72. Rabi‘ al-Awwal-Jumad al-Ula.
- Mat Noor Mat Zin. 2010. *Jual Beli Barang Kemas daripada Emas dan Perak: Reaksi Terhadap Pandangan Ibn Taymiyah*. Kertas Persidangan Seminar Penjanaan Ekonomi Melalui Transaksi Wang Dinar 2009. Hlm 189-210.
- al-Misri, Rafiq Yunus. 2001. *al-Jami‘ fi Usul al-Riba*. Damshiq: Dar al-Qalam.
- Mohd Zulkifli bin Shafie. t.th. *Hukum Jual Beli Emas Secara Ansuran*. <http://www.mohdzulkifli.com/2012/10/jual-beli-emas-secara-ansuran-apa-hukumnya.html#ixzz2wUO4d5Su>.
- Mohd Nazri Chik. 2011. *Pendirian Syariah Terhadap Penggunaan Wang Kertas (Fiat Money)*. Kertas kerja Konvensyen Kewangan Islam 2011. 7 Mei.
- Mohd Nizho Abdul Rahman dan Mohd Shukri Hanapi. 2008. *Etika Perniagaan dari Perspektif al-Qur‘an: Satu Tinjauan*. Kertas kerja Seminar Keusahawanan Islam II Peringkat Kebangsaan 2008.
- Muhammad Abd Rauf Hamzah. 2006-2007. *al-Bay‘ fi al-Fiqh al-Islami Mashru‘iyyatuh wa ‘Anwa‘uh*. Kajian Pendahuluan dalam mendapatkan pangkat sarjana dalam bidang *Iqtisad wa al-Masarif al-Islamiyyah* di Al-Shareqa for Academic and University Consultancy.
- Muslim, Abu Husayn, Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairy al-Naysabury. 1998. *Sahih Muslim*. al-Riyad: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah.
- Nasr Farid Wasil. 1998. *Fiqh al-Mu‘amalat al-Madaniyyah wa al-Tijariyyah fi al-Shari‘ah al-Islamiyyah*. al-Qahirah: Maktabah al-Tawfiqiyah.
- Nawwar, Abu Ummah. 2009. *al-Asas fi Fiqh al-Khilaf*. al-Qahirah: Dar al-Salam.
- Nik Mohd Zaim Ab Rahim dan Ishak Sulaiman. 2011. *Analisis Pendekatan Ulama Hadith Terhadap Hadith Bay‘ al-Nasi‘ah dalam Sharh Sahih al-Bukhari*. Kertas kerja Seminar Antarabangsa Sunnah Nabawiah: Realiti Dan Cabaran Semasa (MUSNAD). Anjuran Universiti Malaya. Julai.
- Nurul Izzati Abd Razak. 2013. Konsep wa‘d dan implikasi sukuk tanpa wa‘d. *Islamic Finance and Business Journal*.
- al-Qaradawi, Yusuf. 2008. *Dirasah fi Fiqh Maqasid al-Shari‘ah*. al-Qahirah: Dar al-Sharuq.
- al-Qurrah Daghi, ḨAli Muhyi al-Din. 2002. *Buhuth fi al-Iqtisad al-Islami*. Beyrut: Dar al-Bashar al-Islamiyyah.
- Resolusi Akademi Fiqh al-Rabitah. 1998. Qarar ke-5, persidangan ke-15 pada November 1998. <http://www.kantakji.org/fiqh/finance/1234.htm> [15 Mei 2014].
- Ridzwan Ahmad dan Azizi Che Seman. 2009. Pemakaian maslahat terhadap konsep nilai masa wang dalam sistem perbankan Islam di Malaysia. *Jurnal Fiqh* 6: 87-106.
- al-Salami, Nasr Muhammad. 2008. *al-Dawabit al-Shari‘iyah li al-Istithmar*. al-Iskandariyyah: Dar al-Iman.
- Shamsiah Mohamad, 2006. *Isu-isu dalam Penggunaan Bay‘ al-‘Inah dan al-Tawarruq: Perspektif Hukum*. Kertas Kerja Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara. Langkawi, 28-29 Jun.
- Shofian Ahmad dan Azlin Alisa Ahmad. 2008. *Konsep Wa‘d dan Aplikasinya di dalam Sukuk*. Kertas kerja Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-III (PERKEM III). Port Dickson, Negeri Sembilan. 20-22 Ogos.
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. 2006. *Buku Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti*. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.
- Uthmani, Taqiy. 2005. *An Introduction to Islamic Finance*. New Delhi: Idara Isha‘at-E-Diniyat (P) Ltd.
- Zaharuddin Abd Rahman. 2007. *Hukum Beli Emas Secara Ansuran dan Trade In*. <http://zaharuddin.net/hal-ehwal-riba/286-hukum-beli-emas-secara-ansuran-a-trade-in.html>.
- Zaharuddin Abd Rahman. 2008. *Wang, Anda dan Islam: Halal dan Haram dalam Kewangan dan Perbankan*. Kelana Jaya: True Wealth.
- Zaharuddin Abd Rahman. 2010. *Riba dan Isu Kewangan Semasa*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Zaharuddin Abd Rahman. *Hukum Akaun Pelaburan Emas di Bank Malaysia*. <http://zaharuddin.net/pelaburan-&perniagaan/764-hukum-akaun-pelaburanemas-dibank-malaysia.html>.

- Zaharuddin Abd Rahman. *Hukum Penggunaan Kad Kredit*. <http://zaharuddin.net/kewangan/258-hukum-penggunaan-kad-kredit.html>.
- Zaharuddin Abd Rahman. *Penciptaan Duit Kertas Moden dan Hukum Forex*. <http://zaharuddin.net/pelaburan-&-perniagaan/767-penciptaan-duit-kertas-moden-hukum-a-forex-trading.html>.
- al-Zuhayli, Wahbah dan Ali Kin'an. 2002. *al-Awraq al-Naqdiyyah fi al-Iqtisad al-Islamiy Qimatuha wa Ahkamuha*. Damshiq: Dar al-Fikr.
- al-Zuhayli, Wahbah. 2002. *al-Mu'amalat al-Maliyyah al-Mu'asirah*. Damshiq: Dar al-Fikr.
- al-Zuhayli, Wahbah. 2007. *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Damshiq: Dar al-Fikr.
- Muhamad Zuhaili Saiman
Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
abezuh_saiman@yahoo.com
- Ahmad Dahlan Salleh, PhD
Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
dahlan@ukm.edu.my